

# Yang menang bukan dapat semua — Dr. M

SABAK BERNAM, 31 Julai 1982 Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berpesan pada ahli-ahli UMNO yang bertanding: "Yang menang tidak mendapat semua dan yang kalah tidak hilang semua."

Presiden UMNO itu berkata, ada anggapan di kalangan ahli-ahli parti sekarang bahawa yang menang dalam sesuatu pemilihan itu akan dapat memiliki segala-galanya.

Beliau menegaskan kemenangan yang dicapai oleh ahli-ahli UMNO dalam sesuatu pemilihan tidak bermakna ia boleh melantik orang-orangnya ke jawatan-jawatan tertentu dengan mengesakan orang lain.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Sabak Bernam hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan:

"Sekiranya perbuatan ini diamalkan, ia akan memecahbelahkan parti kerana tidak ada orang yang akan menyertai UMNO lagi."

Perdana Menteri ber-

kata, ahli-ahli UMNO yang bertanding merebut sesuatu jawatan hendaklah sentiasa menjaga keutuhan dan perpaduan dalam parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata ahli-ahli parti harus ingat bahawa yang mustahak ialah kemenangan dalam sesuatu pemilihan hanya merupakan kemenangan ke sesuatu jawatan tertentu sahaja.

Ini bermakna orang yang kalah dalam pertandingan itu pun masih mempunyai tempat dalam parti.

"Dengan amalan dan sikap ini barulah Parti UMNO akan menjadi besar. Untuk mencapai matlamat ini, kita hendaklah mengetahui selok-belok pemilihan dalam parti" ujarnya.

Presiden UMNO itu seterusnya menyatakan bahawa ahli-ahli parti hendaklah memahami cara-cara menggunakan peraturan-peraturan pemilihan.

Katanya, walaupun segala pemilihan dalam parti dikawal oleh undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu tetapi undang-undang itu tidak mencukupkan yang pemilihan dapat berjalan dengan lancar.

"Undang-undang cuma berkesan jika kita faham cara-cara untuk menggunakannya. Oleh itu adalah menjadi satu perkara yang paling penting bagi ahli-ahli UMNO mengetahui cara-cara menggunakan undang-undang menurut perlembagaan UMNO," tambahnya.

Mengenai keputusan pemilihan pula, beliau menegaskan semua pihak yang terlibat hendaklah berikhtiar untuk menerima keputusan yang telah dibuat.

Beliau menggesa ahli-ahli parti supaya jangan menimbulkan masalah kepada parti dengan mewujudkan sebarang perasaan benci membenci, marah dan sebagainya.

Beralih kepada kekuatan bangsa pula, Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia hendaklah mengubah sikap mereka untuk memperkuat diri sendiri untuk menjadi satu bangsa yang dihormati dunia.

Beliau menegaskan sekarang sudah ada pandangan dari rakyat Jepun dan Korea yang dapat dicontohi oleh rakyat negara ini.

Meskipun perubahan sikap itu merupakan per-

kara yang susah, namun beliau mendesak rakyat Malaysia supaya berusaha menyedarkan diri tentang kelemahan-kelemahan sendiri dan kemudiannya mengatasinya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata tidak ada gunanya bagi rakyat negara ini bercakap atau mengutuk mana-mana negara yang berlaku kejam terhadap orang lain.

Dalam hubungan ini, beliau menarik perhatian bahawa rakyat Jepun dan Korea mengambil masa yang tidak lama untuk mencapai kekuatan dan penghormatan hari ini selepas Perang Dunia Kedua.

Beliau bagaimanapun mengingatkan rakyat tentang keburukan beberapa sikap orang Barat seperti malas, suka mogok dan sebagainya yang harus dijauhkan.